

Academy of Language Studies

UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER 2023


e-Lingua
3/2023



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh



MAIN

Acah-Acah dengan Plastik!

Penatnya rasa. Lelah! Pintu rumah dibuka, Nia terus menerpa masuk dan menghempaskan tubuhnya di atas sofa di ruang tamu. Makan belum, mandi pun belum. Seakan rasa lebam seluruh tubuh dek terlalu lama menghadap kesesakan lalu lintas pada waktu puncak di kota raya itu. Konon waktu kerja habis pada pukul 5, tetapi tidak pernah dapat tiba di rumah sejam selepas itu. Bosan!

Nia mencapai telefon bimbitnya. Mahu diluahkan segala-galanya pada kakaknya. Tetapi ada juga rasa bimbang kalau-kalau kakaknya sedang sibuk bersama keluarganya pada waktu begini. Orang itu sudah ada keluarga. Dia juga bekerja. Lalu, Nia baring sahaja di sofa tersebut. Mindanya terbang ke satu masa ketika dia berusia 12 tahun. Ingatannya masih segar ketika dia mengajak rakan baiknya, Laila untuk menyertai satu pertandingan bersama-sama. Laila kelihatan sangat teruja dan Nia menjadi semakin bersemangat kerana dapat melakukan satu aktiviti bersama Laila sebelum berakhirnya sesi persekolahan pada tahun itu. Tahun depan, belum tentu lagi mereka dapat pergi ke sekolah yang sama seperti sekarang. Apabila tiba masanya untuk cikgu dapatkan nama-nama peserta, Laila tidak semena-mena menarik diri. Alasannya, dia tidak bersedia. Walaupun Nia sudah puas memujuk, Laila masih tidak mahu menyertainya. Pada hari itu, Nia pulang ke rumah dan menangis sepuas-puasnya di riba kakaknya kerana sangat kecewa dengan keputusan Laila.

Kakaknya adalah satu-satunya adik-beradik yang Nia ada. Jarak umur mereka juga begitu jauh. Ketika Nia berusia 12 tahun, kakaknya sudah pun berusia 26 tahun. Setelah puas airmata diperah, Nia masih lagi tersedu-sedan.

Kakaknya cuma tersenyum dan sekali-sekala tergelak-gelak sambil tangannya mengusap kepala Nia. Sakit juga hati Nia melihatkan reaksi kakaknya itu. "Nia, this is normal, okay? Ada masa orang boleh ikut, ada masa orang tak boleh ikut apa kita nak".

Nia hanya terdiam beberapa saat sebelum menjawab, "Memanglah, tapi tak payahlah janji-janji. Baru ni dia cakap nak, tiba tak nak pulak. Geram betul lah!". Kakak tergelak lagi.

Telefon berdering. Tersentak Nia seketika. Panjang umur kakak!

Nia terus menjawab. "Hello kak, you macam tahu je / nak call. / tengah stres ni"

Kakak kedengaran mendengus di hujung talian. "You ni tahu stres je. Baru sampai rumah ke?"



"Ha yelah, macam tak biasa. Kerja berlambak, balik kena hadap jam lagi. I dah lah lapar! Tak sempat tadi nak beli makan. Kan senang kalau you dekat je, boleh I gi makan kat rumah you...or at least rumah Mummy....if she's still around". Nia terdiam seketika sambil mengesat titisan air di hujung mata.

"Dah kenapa nak ke rumah Mummy, rumah je ada, orangnya dah lama masuk dalam tanah!" Kakak terus tergelak-gelak.

"Kak, you ni ingat kelakar ke? Please lah!"

"Come on la dik, bukan cerita tahun lepas ni. Dah 5 tahun, kan? Tu lah you, I suruh you stay dengan I, you tak nak. Berdikarilah sangat. Dah, now you story me, ada tak the same old story?"

"You tak busy pulak? Selalu kalau I call malam like now, ada je alasan you tak nak borak dengan I. Well, macam biasalah kak, at work tu kan macam-macam. Tapi I ni kan, paling menyampah kalau orang tak tepati janji. It is Laila all over again".

Kakak tergelak lagi. "Kan I dah cakap tak payah nak deal dengan orang yang macam tu. You tahu kan, dunia sekarang, orang suka main acah-acah. Acah-acah baik, acah-acah happening, acah-acah alim, acah-acah pemurah. Semua acah-acah je".

Kening Nia berkedut sedikit mendengarkan jawaban kakaknya. "But why, yea? Nak buktikan apa? My colleague seorang ni, masa I cakap I nak buat trip gi Bangkok, bukan main semangatlah dia nak ikut. Siap 'on'je

semua benda. Tiba bila nak collect duit, aik, tak jadi! Poyo!"

"Well, itu memang biasa. Kadang tu, bila kita express our hardship, akan adalah hamba Allah cakap dia boleh tolong, tak ada masalah bla bla bla. You tunggulah bila you betul-betul susah, tiba dia pulak tengah susah dengan macam-macam masalah! Memang lawak. Tapi sedih kan? Kita dah berharap tapi macam tu lah manusia sekarang!"

Kini tibanya masa Nia pula yang tergelak-gelak. "Tiba you yang emo, kak. Thank you, kak for listening. Betul lah you cakap, ramai betul orang suka main acah-acah sekarang ini. Plastik betul! Bukan main lagi memberi janji palsu".

Betul lah you cakap, ramai betul orang suka main acah-acah sekarang ini. Plastik betul! Bukan main lagi memberi janji palsu".

Kakak kedengaran berdehem sedikit. "Seriously, you don't know whom to trust now. Kadang tu melentok-lentok baik depan kita, janji bulan bintang, 'jom-jom' all the way, senyum sampai nampak semua gigi dan gusi, tapi nanti you tunggulah...sampai je masa you need them for something, dia lah orang yang paling sibuk nak larikan diri. Nak tunjuk prihatin pun perlu main acah-acah sekarang ni, you know".

Kedengaran kakak mengilai-ngilai. Nia terdiam lagi, dan mengakhiri perbualan tidak lama selepas itu. Lenguh dan sengal masih lagi menggigit tubuhnya. Nia bangkit dan kakinya melangkah malas ke bilik tidur. Esok hari yang sama lagi. Entah 'plastik' apa lagi yang bakal tiba. Jenama 'Tupperware' atau plastik kedai Eco? Kita tengoklah nanti.

